



RIANG ... Sebahagian alumni dan warga FPP mengambil gambar kenangan bersama anak yatim yang diraikan pada majlis iftar. Turut kelihatan Prof. Dr. Baba (belakang, enam kanan).

FSSA UMS raikan anak yatim dalam Majlis Iftar

NST 4.6.2019 2
KOTA KINABALU: Seramai 28 anak yatim dari Rumah Amal Kasih Asnaf Kingfisher diraikan dalam Majlis Iftar anjuran Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), dan Alumni FSSA, Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini, baru-baru ini.

Dekan FSSA, Prof. Dr. Baba Musta berkata, majlis yang julung kalinya dianjurkan itu bertujuan berkongsi kegembiraan dan meraikan golongan yang kurang bernasib baik itu pada bulan Ramadan al-Mubarak.

"Biarpunsederhana, majlis

ini berseri dengan senyuman yang terukir di wajah anak-anak yatim tersebut.

"Kita mahu meraikan mereka dengan cara istimewa, selain mahu kegembiraan yang kita ada ini dikongsi bersama dengan mereka yang benar-benar memerlukan," katanya ketika ditemui pada majlis itu.

Prof. Dr. Baba berkata, majlis itu juga dalam masa yang sama sebagai satu usaha merapatkan silaturahim antara alumni dan warga FSSA.

"Turut diadakan Ceramah Tazkirah Ramadan yang dis-

ampaikan Ketua Program Pendarasan Islam, Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan UMS, Dr. Issraq Ramli," tambah beliau.

Bertempat di Kompleks Perhutanan fakulti berkenaan, lebih 110 orang hadir menjayakan majlis tersebut termasuk kakitangan akademik, kakitangan pentadbiran dan pelajar antarabangsa FSSA.

Pada majlis itu, Prof. Dr. Baba turut menyempurnakan penyampaian sumbangan Ramadan kepada anak-anak yatim.